



LAIN-LAIN

AKRONIM DAN SINGKATAN

| | |
|-------|---|
| AARG | Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN |
| AC | Jawatankuasa Audit |
| AOB | Lembaga Pemantauan Audit |
| BNM | Bank Negara Malaysia |
| ICAEW | Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales |
| IFIAR | Forum Pengawal Selia Audit Bebas Antarabangsa |
| IOSWG | Kumpulan Kerja Pelabur dan Pihak Berkepentingan Lain |
| ISA | <i>Piawaian Antarabangsa tentang Pengauditan</i> |
| ISQC | <i>Piawaian Antarabangsa tentang Kawalan Kualiti</i> |
| ISQM | <i>Piawaian Antarabangsa tentang Kualiti Pengurusan</i> |
| JAN | Jabatan Akauntan Negara |
| MIA | Institut Akauntan Malaysia |
| MICPA | Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia |
| NAV | nilai aset bersih |
| PIE | entiti berkepentingan awam |
| PLC | syarikat awam tersenarai |
| SC | Suruhanjaya Sekuriti Malaysia |
| SCMA | <i>Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993</i> |
| SSM | Suruhanjaya Syarikat Malaysia |

DEFINISI

| | |
|----------------------------|--|
| Juruaudit | Juruaudit individu atau firma audit yang berdaftar atau diiktiraf di bawah Seksyen 31O SCMA sebagai juruaudit berdaftar atau juruaudit yang diiktiraf untuk suatu PIE atau kumpulan wang jadual. |
| Entiti berkepentingan awam | <p>Entiti yang dinyatakan dalam Bahagian 1, Jadual 1, SCMA:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) suatu PLC atau perbadanan yang disenaraikan di bursa saham; (b) suatu bank yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan 2013</i>; (c) suatu penanggung insurans yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan 2013</i>; (d) suatu pengendali takaful yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013</i>; (e) suatu bank Islam yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013</i>; (f) seseorang yang ditetapkan sebagai suatu institusi kewangan yang ditetapkan di bawah seksyen 212 <i>Akta Perkhidmatan Kewangan 2013</i> atau seseorang yang ditetapkan sebagai suatu institusi kewangan Islam yang ditetapkan di bawah seksyen 223 <i>Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013</i>; (g) suatu institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah <i>Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002</i>; (h) suatu pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk menjalankan aktiviti yang dikawal selia bagi berurus niaga dalam sekuriti, derivatif atau pengurusan kumpulan wang; (i) suatu syarikat pegangan bursa yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti; (j) suatu bursa yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti; (k) suatu depositori pusat yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti; (l) suatu pusat penjelasan yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti; (m) suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf di bawah undang-undang sekuriti; (n) suatu pentadbir skim persaraan swasta yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti; (o) suatu repositori dagangan yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti; (p) <i>Capital Market Compensation Fund Corporation</i>; (q) Mana-mana orang lain sebagaimana yang Menteri boleh tetapkan melalui perintah yang disiarkan dalam <i>Warta</i>. |
| Kumpulan wang jadual | <p>Dana yang dinyatakan dalam Bahagian 2, Jadual 1, SCMA:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) suatu skim persaraan swasta yang diluluskan oleh SC di bawah <i>Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007</i> (CMSA); (b) suatu skim unit amanah yang diuluskan, diberi kuasa atau diiktiraf oleh SC di bawah CMSA; (c) mana-mana dana pasaran modal lain sebagaimana yang ditentukan oleh SC. |
| Firma Audit Utama | Firma audit dengan lebih daripada 10 rakan kongsi dan mengaudit lebih daripada 50 pelanggan PIE dengan jumlah permodalan melebihi RM15 bilion. |
| Firma Audit Lain | Firma audit selain daripada Firma Audit Utama. |